

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERIDR SITI HASMAH BT HAJIMOHD ALI
YANG DIPERTUA BAKTI
DI MAJLIS MENANDATANGANIMOU
PROJEK KOMPLEKS PENYAYANG BAKTI
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 23 JUN 1998
JAM 9.30 PAGI

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan syukur kerana pada pagi yang nyaman ini kita dapat berkumpul di Sri Perdana untuk menyaksikan satu majlis yang amat bersejarah bagi tiga pihak yang terlibat iaitu BAKTI, Yarisan Holdings Sdn. Bhd. dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan.

2. BAKTI, seperti yang diketahui umum adalah sebuah badan sukarela yang melibatkan diri dengan kerja-kerja amal dan kebajikan dan ahli-ahlinya terdiri dari isteri pemimpin-pemimpin politik yang menerajui Kerajaan. Sudah tentu sebagai isteri pemimpin politik ahli BAKTI sering menemani suami dalam lawatan keseluruh pelusuk negara dan sudah tentu dalam lawatan-lawatan tersebut mereka bukan sekadar menyaksikan keindahan, keceriaan dan kemewahan hidup malah tidak dapat lari daripada didedahkan kepada ketimpangan, kecacatan, kesengsaraan dan kesempitan hidup segelintir yang tidak bernasib baik.

3. Oleh kerana itu antara agenda BAKTI yang terutama ialah kebajikan rakyat yang kurang bernasib baik. Sejak ditubuhkan hingga kini BAKTI masih tetap berusaha keras ke arah mencapai matlamat ini. Apa yang akan berlaku sebentar lagi adalah satu lagi langkah cekat dan komited BAKTI untuk merealisasikan matlamat tersebut. Namun, apalah daya BAKTI kalau tidak adanyapihak-pihak dermawan yang sudi membuahkannya apa yang tersirat di dalam hatinya.

4. Pagi ini BAKTI akan beriringan dengan pihak swasta, Yarisan Holdings Sdn. Bhd. dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan memeterai perjanjian untuk membina sebuah kompleks kebajikan yang mana pihak Yarisan Holdings Sdn. Bhd. bertindak sebagai penaja dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan sebagai tuan tanah dan pentadbir kompleks ini apabila siap nanti. Usaha ini merupakan kali pertama BAKTI berpadu tenaga sekaligus dengan dua pihak iaitu pihak swasta dan pihak Kerajaan. Saya difahamkan bahawa ia juga merupakan kali pertama pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan usahasama pihak swasta dan sebuah badan NGO.

5. BAKTI berpendapat bahawa anak-anak seharusnya membesar dalam suasana kekeluargaan. Pada satu-satu masa seharusnya terdapat tiga peringkat umur atau kumpulan yang hidup bersama di bawah satu bumbung yang terdiri daripada anak, ibu dan nenek. Maka dengan itulah sasaran penghuni kompleks ini ialah kanak-kanak, ibu-ibu tunggal dan warga tua. Untuk kerja-kerja mengenalpasti calon-calon, BAKTI menyerahkannya kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memilih calon-calon tersebut dari Rumah Tunas Harapan seluruh negara.

6. Oleh kerana sebentar lagi kita akan mendengar taklimat terperinci mengenai aspek-aspek teknikal projek oleh pihak Yarisan Holdings Sdn. Bhd. maka di sini saya sekadar ingin menyingkap kembali sedikit latarbelakang mengenai projek ini. Setelah BAKTI dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mencapai kata putus mendirikan kompleks ini kedua-dua pihak terus berusaha memenuhi tanggungjawab masing-masing. Jabatan Kebajikan Masyarakat ditugaskan untuk mendapatkan pelan tataletak dan bangunan daripada pihak Jabatan KerjaRaya manakala BAKTI berusaha mengumpul dana serta mendapatkan penaja. Secarakebetulan BAKTI telah diketemukan dengan pihak Yarisan Holdings Sdn. Bhd. yang telah menerima baik rancangan BAKTI dan terus bersetuju

membiaiyai segala kos pembinaan yang dianggarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya sebanyak 4.9juta ringgit. Terima kasih yang tidak terhingga BAKTI rakamkan kepada Encik Robert Chan dan keluarganya. Kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan.

7. Buat masa ini sekumpulan perunding telahpun dilantik. Mereka ialah:

- i) Vertitech (M) Sdn. Bhd. sebagai Pengurus Projek;
- ii) CWW Arkitek Sdn. Bhd. sebagai Arkitek;
- iii) Setia Runding Sdn. Bhd. - Civil and Structural Engineers;
- iv) PCE Associates - Quantity Surveyors
- v) Jurutera Perunding Kuasanaga - Mechanical & Electrical
- vi) Ukur Sekitar - Land Surveyors
- vii) Badrul Lee & Associates - Advocates & Solicitors
- viii) Unilite Construction Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama.

8. Setakat ini banyak kerja-kerja 'background work' yang remeh temeh yang perlu dilakukan dahulu telahpun diselesaikan. Dalam hal ini BAKTI menerima kerjasama, tunjukajar, bimbingan dan tindakbalas yang cepat dan padu daripada berbagai pihak. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih khas kepada pejabat Peguamcara Negara khususnya Y Bhg Dato Heliliah bt Yusof, Jabatan Kemajuan Tanah dan Wilayah Persekutuan ~~iaitu Y Bhg Dato Wan Abd. Wahid~~¹¹ dan Pengarah serta pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan.

9. Selepas itu tentunya lebih banyak kerja akan menyusul. BAKTI terpaksa bergantung dan berharap jasabaik agensi-agensi Kerajaan unruk tidak melengahkan apajua bentuk kelulusan atau bantuan agar projek ini dapat dilancarkan segera dan perlaksanaannya tidak tergendala atau terjejas memandangkan pihak Yarisan Holdings Sdn. Bhd. berharap agar projek ini dapat disiapkan dalam tempoh satu tahun.

10. Sekali lagi, bagi pihak BAKTI dan diri saya, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi pertolongan, kerjasama dan bimbingan secara gratis dan ikhlas untuk menjayakan projek kemanusiaan ini.

11. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha bersama ini yang akan memanfaatkan mereka yang kurang bemasib baik.
